

Nasional

ms 6

Ubat berhenti merokok RM1

Kementerian utama pendidikan berterusan beri kesedaran orang awam

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perokok boleh mendapatkan ubat daripada doktor pakar dengan bayaran hanya RM1 di klinik kesihatan seluruh negara bagi membantu mengurangkan atau berhenti terus daripada tabiat merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata sebanyak 731 klinik kesihatan menyediakan kemudahan itu dan perokok diharap mengambil kesempatan daripada inisiatif kerajaan itu.

"Saya harap perokok ambil kesempatan ini untuk berhenti merokok," katanya selepas merasmikan Forum CEO Asia 2019 di Bukit Bintang City Centre (BBCC) di sini, semalam.

Dr Boon Chye berkata, Kementerian Kesihatan juga tidak akan bertindak secara drastik menyaman perokok, sebaliknya mengutamakan pendidikan berterusan bagi menyedarkan mereka, termasuk orang awam su-

paya tidak merokok di restoran dan premis makanan.

Beliau berkata, sehingga 1 Januari 2020, kementerian akan mempertingkatkan usaha mendidik perokok supaya tidak merokok di premis terbabit.

Bagaimanapun, katanya, selepas tempoh itu, Kementerian Kesihatan akan terus menguatkuasakan larangan dan mengeluarkan saman sekiranya masih ada perokok tidak mematuhi peraturan itu.

Dr Boon Chye berkata, tindakan tegas turut diambil terhadap mana-mana individu yang didapati menjual rokok elektronik atau vape kepada remaja bawah umur 18 tahun.

Katanya, kerajaan memandang serius isu penularan penggunaan vape dalam kalangan remaja dan gejala itu perlu ditangani segera kerana dikhuatiri akan menimbulkan gejala



Dr Lee Boon Chye

sosial yang besar pada masa akan datang.

"Paling bimbang apabila kita lihat murid sekolah dan remaja tertarik dengan vape jadi kita akan ambil tindakan kepada mereka yang menjual vape kepada individu bawah umur 18 tahun kerana ia boleh jadi masalah sosial besar, kalau bukan sekarang mungkin pada masa

depan," katanya.

Sementara itu, mengulas sikap segelintir pemilik kedai makan yang dilihat culas melaksanakan dasar larangan merokok, Dr Boon Chye berkata pemantauan pegawai kementeriannya mendapati pemilik premis berkenaan ada memamerkan notis larang merokok di dalam premis mereka.

Apabila notis larangan merokok dipamerkan, beliau berharap pemilik atau pekerja kedai makan tidak menggalakkan tabiat merokok dalam premis berkenaan.

"Apabila kita lawat premis makanan, kebanyakan mereka sudah melaksanakan tanggungjawab dengan memamerkan notis larangan merokok.

"Jadi, kita juga harap mereka tak galakkan merokok dalam premis," katanya.

Sebelum ini, kementerian Kesihatan mengeluarkan arahan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan berkuat kuasa 1 Januari 2019.

Selain kawasan yang sedia maklum seperti tempat awam dan bangunan kerajaan, arahan larangan merokok turut membatikan semua premis makanan antaranya restoran tertutup, berhawa dingin atau restoran dan warung berkonsep terbuka.

Larangan merokok itu menyatakan perokok hanya dibenarkan merokok di kawasan tiga meter atau 10 kaki dari kedai makan dan restoran terbuka.



Keratan akhbar BH, 12 Oktober 2018.